



Sembilan pensyarah KIK UiTM Kampus Kuala Pilah menunjukkan tepung dihasilkan daripada kulit pisang nangka. (Foto Abnor Hamizam Abd Manap/BH)

BH ms 18 27/08/2019

UiTM hasil tepung kulit pisang nangka

Pensyarah KIK ambil masa empat hari cipta produk berkhasiat tinggi

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap
bhnews@bh.com.my

Kuala Pilah: Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Kuala Pilah berjaya menghasilkan tepung serba guna daripada kulit pisang nangka.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Gunaan, Dr Rosli Noormi,

berkata kumpulan KIK memba-bitkan sembilan pensyarah dan kakitangan makmal mengambil masa empat hari untuk meng-hasilkan tepung berkenaan.

Beliau berkata, kumpulan ter-babit turut menerima tunjuk ajar daripada Pensyarah Kanan Fa-kulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Rembau, Al-Bakri Mohamed.

"Idea itu tercetus apabila me-lihat kulit pisang dibuang begitu saja, sedangkan kajian menda-pati kulit pisang boleh digunakan untuk menghasilkan produk ber-khasiat tinggi seperti tepung ser-ba guna.

"Jadi, kami mendapatkan ku-lit pisang nangka daripada pen-duduk dan peniaga di sekitar Kuala Pilah untuk menghasil-kan produk berkenaan," katanya

di sini, semalam.


Hasil kejayaan itu, Rosli ber-kata, ia bukan saja dapat me-ngurangkan bahan buangan, te-tapi menambah nilai ekonomi ke-pada pengusaha yang mahu menghasilan tepung terbabit.

Malah, katanya, penghasilan produk itu akan dipertandingkan pada konvensyen KIK di UiTM Kampus Bandaraya, Melaka, se-lama dua hari bermula esok.

"Produk ini sudah didaftarkan hak cipta dan berharap ia dapat dikomersialkan bagi kegunaan industri makanan.

"Ia mengandungi nutrisi yang tinggi seperti mineral, karbohi-drat, fiber dan sebatian antikan-ser serta sesuai digunakan bagi membuat biskut, kek coklat, mu-ffin dan lempeng," katanya.

Sementara itu, pengusaha pro-



Muffin daripada tepung kulit pisang nangka yang dihasilkan di makmal UiTM Kuala Pilah.

duk makanan, Ramlan Marzuki, 27, yang berpeluang mengguna-kan tepung berkenaan berkata, produk itu seperti bijirin.

Ramlan yang menjalankan per-niagaan di Kampung Getir, Kuala Pilah berkata, dia tidak menyang-ka tepung serba guna itu diha-silkan daripada kulit pisang ke-rana berkualiti tinggi seperti te-pung lain.